

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI CHE MAT**  
**[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 5 APRIL 2018**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan usaha Kementerian bagi menggalakkan pengeluaran dan penggunaan kenderaan elektrik/smart car di Malaysia sebagai alternatif kepada Proton sebelum ini.

Tuan Yang Dipertua,

1. Dasar Automotif Negara (*National Automotive Policy - NAP*) telah diperkenalkan pada tahun 2006 untuk membantu usaha transformasi dan integrasi industri automotif tempatan ke dalam jaringan industri serantau yang semakin kompetitif. NAP telah ditambahbaik pada tahun 2014 bagi mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih berdaya saing serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat atau hab automotif serantau bagi kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicle - EEV*) dan kenderaan elektrik (*Electric Vehicle – EV*)

2. Pembangunan dan penggunaan EEV dan EV turut diberi penekanan dalam Pelan Induk Teknologi Hijau (*Green Technology Master Plan – GTMP*) yang dilancarkan pada 12 Oktober 2017. GTMP menetapkan sasaran sebanyak 85 peratus kenderaan baru berdaftar pada tahun 2020 adalah kenderaan EEV. Sasaran ini ditingkatkan kepada 100 peratus pada tahun 2030. Selain itu, Kerajaan sedang menyediakan Dasar Pengangkutan Negara bagi membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat. Di bawah dasar ini, tumpuan turut diberikan kepada sistem pengangkutan yang mampan dengan kesan yang minimum terhadap alam sekitar.

Tuan Yang Dipertua,

93

3. Sebelum ini, Kerajaan telah memberikan pengecualian cukai import dan duti eksais bagi menggalakkan penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik yang telah tamat pada Disember 2017. Pada masa ini tidak terdapat insentif khusus yang diberikan untuk pembangunan kenderaan EEV dan kenderaan elektrik (EV). Walau bagaimanapun di bawah NAP 2014, syarikat pemasangan kenderaan hibrid atau elektrik secara *Completely Knocked Down* (CKD) akan dipertimbangkan pemberian insentif secara *customised*. Pemberian insentif secara *customised* ini adalah berdasarkan tahap pelaburan strategik oleh syarikat berkenaan yang meliputi nilai pelaburan, jumlah pengeluaran, pemindahan teknologi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, penyediaan rantaian bekalan, peluang pekerjaan dan jumlah eksport. Insentif berupa Skim Pinjaman Mudah dan pengecualian cukai untuk pembangunan infrastruktur dan pengkomersilan teknologi bagi kenderaan EEV dan EV juga disediakan di bawah NAP 2014. Kedua-dua insentif ini boleh dinikmati oleh semua syarikat pemasangan kenderaan tempatan termasuk PROTON.

Tuan Yang Dipertua,

4. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui agensi di bawahnya iaitu Malaysian Green Technology Corporation telah membangunkan rangkaian stesen pengecas elektrik di seluruh

Semenanjung Malaysia. Sehingga kini sebanyak 234 buah stesen pengecas telah dibangunkan. Selain itu, program rintis teksi elektrik juga akan dilaksanakan di Pulau Langkawi dalam masa terdekat bagi mempromosikan penggunaan kenderaan elektrik serta menggalakkan pengangkutan awam rendah karbon di kawasan-kawasan pelancongan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KeTTHA pada masa ini sedang dalam peringkat awal pembangunan Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon (*Low Carbon Mobility Blueprint*) bagi memacu pembangunan kenderaan EEV dan EV di Malaysia. Pelan tindakan ini akan menyokong pelaksanaan GTMP serta memastikan sasaran yang ditetapkan di dalam dokumen berkenaan dapat dicapai. Melalui rangka kerja strategik dan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan berkaitan pembangunan EEV, Malaysia diyakini berada pada landasan yang betul untuk mencapai pengurangan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45% menjelang 2030 sebagaimana yang dihasratkan.

Sekian, terima kasih.

.....